

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 13 April 2016 17:04
To: UUM - All Staff
Subject: KESEDARAN AWAM TERHADAP HAK DAN ISU-ISU WANITA DAN KANAK-KANAK



**Pusat Penyelidikan
Koridor Utara**

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

RABU 13 APRIL 2016 | 5 REJAB 1437H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



NCRC ONLINE - “Seminar Mengenai Hak dan Isu-isu Wanita dan Kanak-Kanak” merupakan yang julung kalinya diadakan di peringkat Zon Utara pada 12 April 2016 di Dewan Seri Mentaloon, Alor Setar. Seminar ini dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) bersama Amanah Raya Berhad (SRB) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Northern Corridor Research Centre (NCRC) UUM.

Seminar ini merupakan satu platform kepada orang awam terutamanya golongan sasaran iaitu wanita dan kanak-kanak bagi mendapatkan ilmu tentang hak perundangan mereka dalam kehidupan seharian.

Yang Berhormat Puan Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menerusi ucapan perasmian beliau menyebut bahawa menyedari hakikat wanita sebagai tulang belakang pada kemajuan negara, pelbagai inisiatif diambil bagi memastikan hak wanita dan kanak-kanak yang merupakan bakal pemimpin di masa hadapan negara ini sentiasa dilindungi. Antara inisiatif yang diambilkira adalah dengan memastikan undang-undang Malaysia kekal relevan dan menepati kehendak serta keperluan semasa melalui usaha-usaha pembaharuan yang dibuat secara objektif dan berterusan.

Ucapan aluan turut disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Suraya Yaacob, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita & Keluarga dan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah. Program sehari ini telah berjaya menarik minat 500 peserta untuk hadir dan berpeluang bersoal jawab dengan wakil-wakil perbadanan dan NGO yang menjayakan seminar ini.

=====

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 6559

FAX: 04-928 6561

E-MAIL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



ASSOCIATION
OF
AMBA
ACCREDITED



AUN-QA
A Touch of Quality



GIFA
GLOBAL ISLAMIC FINANCE AWARD

